A portrait of Anwar Ibrahim, wearing glasses and a dark jacket, looking slightly to the right. The background is dark and out of focus.

ANWAR IBRAHIM:
SEMANGAT
DARAH
MUDA

PENYUSUN : ZAIRUDIN HASHIM



3.2595

NW



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

RM

ط ٤

أنور إبراهيم: سماعت داره مودا
**ANWAR IBRAHIM:
SEMANGAT DARAH MUDA**

Disusun oleh:
ZAIRUDIN HASHIM

PUSTAKA PERDANA



1013237



© Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
Cetakan Pertama, Mac 2019

Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini dalam apa-apa juga bentuk dengan apa-apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Rekalerak teks dan Design oleh Ainatunnadiah Azizan
Konsep Kulit depan oleh Zairudin Hashim

ISBN 978-967-2158-40-0

Diterbitkan oleh:

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
No. 6, Jalan TC 2A/2, Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA

No. Tel : +603 - 4108 4500
Faks : +603-4108 2400
Emel : sap@abim.org.my
FB : @ABIMalaysia
Twitter : @ABIMalaysia
Instagram : @ABIMalaysia
Laman sesawang: www.abim.org.my

Diedarkan oleh:

ABIM PRESS
Taman Cemerlang, 53100 Kuala Lumpur

Dicetak oleh:

Perusahaan Tukang Buku KM

923.2595

***Dedikasi, sebagai tanda ingatan dan doa kepada
Sdr. Anwar Ibrahim.***

*Juga buat semua wira setanah air, yang berjuang
sepenuh hati untuk anak bangsa Malaysia.*

*Yang kental berjuang dengan semangat darah muda
yang tulen, di bawah tadahan hujan – dalam
kemuliaan perjuangan, atas nama TUHAN,*

*Untuk kepentingan tanah air pada hari ini dan masa
depan.*

***Kerana harta kita ialah maruah. Dan penyelamat
kita ialah iman!***





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

KANDUNGAN

NOTA EDITOR	ix
KATA PENGANTAR I	xi
KATA PENGANTAR II	xiii
Anwar Ibrahim Menginspirasi Anak Muda	1
Anwar Ibrahim dan Generasi 'The Angry Youngmen'	9
Penampilan Sosok 'P. Ramlee' dalam Kepimpinan Negara	22
DSAI dan Semangat Darah Muda	27
DSAI; Seorang 'Primus Inter Pares'	37
Cikgu Anwar dan Perubahan Pendidikan	44
Anwar Ibrahim; Qudwah Nahdah Anak Muda	51
Anwar Ibrahim yang Berjuang Untuk Semua Kaum	66
Reformasi 2.0	70
Demi Keadilan, Demi Rakyat Dan Demi Malaysia Tercinta	72
Bagaimana Ketokohan DSAI Yang Memberi Inspirasi	75
Anwar Ibrahim: Nama Yang Tak Pernah Padam	78
Pemimpin Berjiwa Ummatik	82
Risiko dan Perjuangan	86

'Membaca' Anwar Ibrahim	90
Peristiwa Bermakna	94
Karakter Harapan Generasi Pemimpin	99
Mengenali Anwar Ibrahim	105
Catatan Bersama Pak Anwar	108
Belia dan Intelektualisme di Malaysia: Legasi Anwar Ibrahim	114
Harapan dan Waktu Berdoa yang Belum Tamat	118
Lima Isme' dan Sang Intelektual Awam	130



NOTA EDITOR

*Lemak nasi bergulai udang,
Lemak berbau santan kelapa;
Rela ku mati berputih tulang,
Tidak ku rela berputih mata.*

Ramai yang mengasosiasikan istilah 'darah muda' dengan sikap terburu-buru. Hakikatnya, darah muda juga boleh dirujuk kepada pendekatan aktivisme yang bersadur semangat serta tindakan agresif dalam kalangan anak muda, untuk membawa perubahan yang baik. Namun, semangat tersebut juga pastinya perlulah bertunjangkan iman dan taqwa – bersama strategi yang berhikmah. Generasi 'Darah Muda' atau '*The Angry Youngmen*' sering diungkap oleh Profesor Dato' Dr. Siddiq Fadzil bagi menggambarkan para aktivis mahasiswa tegar Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dekad 60an dan 70an yang teguh memperjuangkan hak rakyat terbanyak. Mereka ini diketuai oleh pemimpin anak muda yang tersohor di Malaysia dan peringkat antarabangsa, Sdr. Anwar Ibrahim. Buku ini menampilkan kompilasi tulisan santai tetapi tetap bermakna, daripada sekumpulan anak-anak muda dengan latar belakang yang pelbagai (profesional, ahli akademik, mahasiswa dan aktivis Badan Masyarakat Madani - CSO).

Menerusi artikel yang ditulis oleh mereka pada sekitar

tahun 2017 ini, mereka berkongsi bagaimana Sdr. Anwar memberikan inspirasi kepada kerjaya serta matlamat hidup mereka.

Sesungguhnya, tatkala ramai yang mendakwa bahawa anak muda sudah melupakan sosok ini – Anwar Ibrahim; buku ini membuktikan sebaliknya. 22 orang anak muda ini menulis coretan berkenaan pengalaman mereka dalam hidup, dan kaitan perjuangan DSAI dengan kehidupan mereka pada hari ini. Semoga banyak manfaatnya naskah ini, dalam menceritakan sedikit-sebanyak sumbangan DSAI kepada masyarakat terbanyak, menerusi perjuangan yang beliau laksanakan, dengan semangat darah muda.

*Jangan cari gara gara,
Bisa bisa jadi bencana;
Jika kamu cinta negara,
Ayuh pertahan jiwa merdeka!*

ZAIRUDIN HASHIM (CHE DIN)
Sekretariat ABIM Pusat, Taman Cemerlang
Februari 2018

KATA PENGANTAR I

Saya tidak cenderung memberi sumbangsih terhadap buku mengenai saya. Gesaan Sdr. Zairudin Hashim mengesankan, kerana menghargai ikhtiar beliau menghimpun penulisan tokoh muda, menyingkap pengalaman dan menyemarakkan semangat Reformasi.

Ketara dalam coretan para penulis adalah idealisme perjuangan dan keghairahan mendambakan perubahan. Mereka membantah undang-undang zalim dan penindasan, dan ingin tergolong sebagai elemen sedar dan 'conscience' masyarakat.

Sejak era 70an, kita menyaksikan pertembungan dua aliran pergerakan mahasiswa-belia. Pertama, yang diasuh penguasa dengan acara pesta-pestaan dan apa yang saya ungkapkan sebagai "belia kompong dan pintu gerbang". Mereka diasak dengan propaganda kehebatan pemerintah tanpa ruang berfikiran kritis.

Pemikiran generasi muda terbelenggu - terperangkap (captive mind) sepertimana yang diulas pemikir Frantz Fanon dan Syed Hussein Alatas.

Kedua, kalangan yang menganjurkan pemikiran kritis, dan prihatin terhadap penderitaan rakyat. Kumpulan kedua dianggap pencabar kekuasaan terutama apabila didedah penyalahgunaan kuasa dan

rasuah. Kekentalan generasi muda dijamin dengan keyakinan, ketabahan dan daya juang.

Saya sedar bahawa penulisan lebih tertumpu kepada peranan seorang tokoh. Namun, tidak dapat dimungkiri kenyataan bahawa gerakan Reformasi bergulir dengan dukungan jamaah, dan kesedaran rakyat.

Salam perjuangan,
ANWAR IBRAHIM,
Sungai Buloh,
2 April 2018.

KATA PENGANTAR II

Reformasi itu bukanlah hanya satu ungkapan kalimah kosong. Sekuat mana pun laungan kita, ianya memerlukan keberanian serta kesungguhan untuk bertindak, bagi merealisasikan sesuatu impian pembaharuan. Tatakelola serta tadbir urus yang cemerlang, hanya akan dapat dicapai menerusi pembudayaan etika kerja serta integriti segenap lapisan masyarakat, untuk menolak rasuah serta salah guna kuasa.

Anwar Ibrahim adalah satu nama besar dalam perjuangan Reformasi-Islahiy di Malaysia. Sedari era belianya, beliau cekal bergulir bagi menentang penindasan terhadap golongan marhaen di dalam negara. Sementelah, perjuangannya turut mencakupi usaha advokasi serta misi bantuan kemanusiaan kepada umat yang sedang dilanda bencana alam mahupun perang. Usaha pembanterasan korupsi serta pembaikan kesenjangan ekonomi ini dimulakan oleh beliau dan generasinya, menerusi pendidikan serta pembinaan watak pemimpin dalam jiwa setiap aktivis serta ahli dalam organisasi yang diketuainya.

Bukan sedikit sumbangan Sdr. Anwar kepada khazanah budaya-hargadiri tamadun bangsa kita yang begitu besar maknanya. Justeru, semua anggota masyarakat perlu menyemai kesedaran untuk menjadi bangsa yang bermaruah dan berbudi mulia.

Usaha beliau untuk memartabat bahasa kebangsaan dan mendaulat seni-budaya, di samping keilmuan dan falsafah, wajar kita perjuangkan bersama, tanpa henti.

Mempunyai tokoh atau watak seperti Sdr. Anwar di tengah kita dan bersama dengan kita, adalah satu kebaikan. Namun, lebih utama untuk kita menghargai serta mengkaji institusi pemikiran beliau selaku seorang tokoh pemimpin bertaraf dunia yang unggul. Artikel-artikel yang dihimpun pada tahun 2017 ini adalah usaha awal ke arah itu. Ayuh, melangkahlah maju wahai teman-teman seperjuangan sekalian, dengan derapan penuh tekad dan mujahadah. Wassalam.

MOHAMAD RAIMI AB RAHIM
Presiden ABIM



RISALAH

menegak kebenaran dan keadilan

PERTAMA Bil: 5

KHAS UNTUK AHLI-AHLI SAHAJA



**ANWAR IBRAHIM
ADILKAH
BENGGKAU DITAHAN**



ANWAR IBRAHIM MENGINSPIRASI ANAK MUDA

Prof. Madya Dr. Zulkifli Hasan

Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) adalah nama besar yang terus menjadi perhatian dan rujukan masyarakat di Malaysia dan antarabangsa. Walaupun berada di dalam jeriji besi, setiap kenyataan DSAI malahan kehadiran di khalayak umum pastinya sentiasa ditunggu-tunggu dan ia seumpama dinantikan dengan penuh minat bukan sahaja oleh peminat politik malahan masyarakat secara umumnya. Lebih menarik, berbanding dengan ramai tokoh pemimpin yang lain, DSAI diakui merupakan antara personaliti yang capaian pengaruhnya merentasi kaum, agama, ideologi dan sempadan.

Mungkin ramai yang telah menulis mengenai DSAI sama ada pengkisahan, pemikiran, sejarah, kehidupan, idea dan gagasan, keilmuan dan keintelektualan, ketabahan dan banyak lagi berdasarkan kepada interaksi dan pengalaman bersama DSAI secara langsung.



Mengambil pendekatan yang sedikit berbeza, penulisan kali ini adalah merupakan refleksi peribadi terhadap DSAI dari seseorang yang sepanjang hidupnya mengikuti perkembangan DSAI dari jauh dan belum pernah mengenali secara dekat mahupun pernah berbicara atau berinteraksi langsung dengan DSAI.

Bahkan, mungkin DSAI juga langsung tidak mengenali penulis dan mengetahui kewujudan anak kampung ini yang sehingga hari ini begitu terinspirasi dengan personaliti dan aura kepimpinan serta kemampuan keintelektualan yang begitu mengagumkan. Penting diingatkan bahawa penulisan ini langsung tiada unsur politik mahupun mengandungi apa-apa hasrat untuk mempromosi mana-mana ideologi dan pemikiran tetapi ia adalah nukilan ikhlas penulis mengenai insan bernama Anwar Ibrahim.

Sejak dari zaman sekolah rendah telah mengenali DSAI sebagai antara tokoh pemimpin yang menjadi perbualan semua orang hatta di kampung. Pada waktu itu, nama Anwar Ibrahim itu seumpama fenomena memukau masyarakat kampung dengan karisma dan kewibawaannya serta personaliti menarik yang boleh dikatakan membayangi mana-mana ahli politik pada waktu itu. Mengetahui dan mengenali DSAI ketika berada di sekolah menengah pula merupakan detik bermulanya pemikiran dan idea beliau mempengaruhi penulis.

Dari seorang budak kampung yang tidak punya halatuju yang jelas, pendedahan kepada idea-idea dan pemikiran DSAI telah membuka mata dan sedikit sebanyak mempengaruhi gaya berfikir dan pandangan alam penulis agar dapat membentuk fikrah yang lebih terbuka dan progresif.

Pemimpin yang hebat pastinya sentiasa menginspirasi. Jarang kita lihat ada pemimpin yang mampu mempengaruhi pemikiran terutama anak muda untuk meminati karya-karya hebat pemikir dunia. Penulis mengakui, DSAI adalah antara personaliti yang begitu mempengaruhi minat membaca sehinggakan merangsang untuk menelaah buku-buku ilmiah sejak dari zaman persekolahan. Masih ingat di kala umur yang masih muda belasan tahun, penulis sudah mula membiasakan diri dengan teks-teks sarjana seperti Ibnu Khaldun, Malik Bennabi, Syed Muhammad Naquidb al-Attas, Seyed Hossein Nasr, Fazlur Rahman, Muhammad Iqbal, Hasan Turabi dan ramai lagi. Lebih manis lagi, dengan pengaruh untuk minat membaca ini, penulis pernah memenangi anugerah antara pelajar yang paling tinggi pembacaan. Sehingga hari ini, penulis akan sentiasa cuba memastikan untuk merujuk dan membaca karya-karya hebat yang dirujuk setiap kali DSAI menyebutnya dalam ucapan atau penulisan beliau.

Penulis masih ingat semasa menghadiri Syarahan yang disampaikan DSAI beberapa hari sebelum Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara ke atas beliau.



Walaupun dalam keadaan tidak mengetahui atau pasti nasib dirinya dengan keputusan Mahkamah, dalam keadaan santai syarahan tanpa teks selama lebih kurang 30 minit DSAI telah memukau hadirin dengan mengupas dan memetik karya-karya hebat dengan begitu mengagumkan.

Selama 30 minit itu DSAI berbicara mengenai idea besar tokoh pemikir dunia dan ini termasuk Alexis de Tocqueville (*Democracy in America*), John Locke (*Two Treaties of Government*), Great Speech of Muhammad Ali Jinnah, Great Speech of Abraham Lincoln, Great Speech of Jawaharlal Nehru, al-Mawardi (*al-ahkam al-sultaniyyah*), al-Sarakhsi (*al-Mabsut*), Herbert Feith (*The Decline of Constitutional Democracy in Indonesia*), Ari Helo (*Thomas Jefferson's Ethics and the Politics of Human Progress: The Morality of a Slaveholder*), al-Ghannoushi (*Democracy and Human Rights in Islam*), Harold Bloom (*the Western Canon: the Books and Schools of the Ages*) dan Abu Bakar Sirajuddin atau Martin Lings (*The Secret of Shakespeare: His Greatest Plays seen in the Light of Sacred Art, Sacred Art of Shakespeare*). Mungkin tidak keterlaluan dikatakan bahawa penulis tidak mengetahui mana-mana tokoh politik tanahair yang mempunyai kualiti yang sama iaitu bukan sahaja dengan penguasaan ilmu serta keluasan pembacaan merentasi bidang malahan pengolahan bahasa dan teknik penyampaian pidato yang begitu mengagumkan.

Keunikan DSAI dari sudut pemikiran ialah keupayaan beliau untuk mensintesis dan mengharmonikan idea dan gagasan tokoh dan sarjana duniadi Timur dan Baratsertamenghubungjalinkannya

dalam konteks nusantara dan Asia Tenggara. Maka tidak hairanlah, kita bukan sahaja didedahkan dengan idea pemikir Barat mahupun Arab tetapi DSAI juga menghargai dan mengiktiraf gagasan tokoh nusantara seperti Jose Rizal, Buya Hamka, Pak Nasir, Burhanuddin al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan ramai lagi. Dengan kekuatan inilah, idea yang dibawa oleh DSAI adalah sangat 'visionary' dan terkehadapan meraikan kepelbagaian budaya, perbezaan martabat, keadaan sosio-ekonomi, kelainan agama dan bangsa serta dinamika politik dan hubungan antarabangsa.

Ketokohan keilmuan DSAI ini bukan sahaja diiktiraf di tanahair bahkan di arena antarabangsa. Sepanjang pengalaman penulis mengembara dan menziarahi tokoh dan sarjana terkemuka dunia di seluruh dunia, hampir kesemuanya akan menyebut nama Anwar Ibrahim apabila penulis memperkenalkan diri sebagai rakyat Malaysia. Perkara ini ada disebut di dalam buku penulis berjudul 'Islam Di Barat Muslim Di Timur' dan penulisan lain yang menceritakan pengalaman berinteraksi dengan tokoh dan sarjana terkemuka di dunia seperti Seyyed Hossein Nasr, John Esposito, Azzam Tamimi, Tariq Ramadan, Hamid Dabashi, Mustafa Ceric, Rashid al-Ghannoushi, Abdul Hamid Abu Sulayman dan ramai lagi.

Bukan itu sahaja, setiap kali mengunjungi atau menziarahi masjid-masjid atau '*Islamic Society*' di luar negara yang sudah menjadi amalan penulis sekian lama, pastinya Jemaah atau individu di sana akan bertanyakan keadaan dan perkembangan DSAI. Masih kukuh diingatan semasa pertemuan dengan John


Esposito, Professor of Religion and International Affairs and of Islamic Studies di pejabat beliau di Georgetown University, Washington di mana beliau menceritakan beberapa aspek dan fakta menarik mengenai ketokohan DSAI.

Apa yang lebih mengagumkan ialah hubungan yang dijalin oleh DSAI dan tokoh terkemuka dunia ini bukan hanya bersifat jaringan keintelektualan mahupun keilmuan tetapi ia melibatkan persaudaraan erat yang menunjukkan keutuhan dan keakraban. Misalnya begitu ramai sarjana yang menzahirkan kekecewaan dan kebimbangan dengan kesihatan dan keadaan DSAI yang berterusan menghadapi pelbagai dugaan khususnya dalam kes pendakwaan beliau di Mahkamah. John Esposito sendiri bersama John Voll, Professor Emeritus of Islamic History, Georgetown University menyatakan sendiri pada penulis kerisauan mereka terhadap nasib DSAI dengan kes Mahkamah yang dilalui.

Seyyed Hossein Nasr juga memaklumkan sendiri pada penulis kebimbangan beliau dan sedia ke Malaysia untuk bertemu DSAI sekiranya kesihatan mengizinkan. Pertemuan dengan ramai lagi tokoh-tokoh di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan lain-lain negara juga menzahirkan sokongan dan simpati mereka terhadap DSAI bukti ukhuwah dan persahabatan.

Sehingga hari ini, hakikat yang mesti diakui ialah DSAI adalah seorang pemimpin yang mempunyai kekuatan intelektual dan memiliki bakat semulajadi luar biasa. Berbanding dengan ramai pemimpin politik yang lain, DSAI mungkin adalah antara pemimpin yang paling banyak mendapat ujian yang begitu hebat menguji ketabahan dan keimanan sejak sekian lama sehingga hari ini.

DSAI bukan insan yang sempurna dan pastinya ada kelemahan dan kekurangan, namun karisma dan aura kepimpinannya telah menginspirasi ramai termasuk anak muda yang memahami jalur pemikiran perjuangannya. Walaupun tidak pernah berinteraksi secara langsung dengan DSAI sehingga hari ini, hanya mengikuti rapat perkembangan hidupnya, berkemungkinan besar juga tidak dikenali oleh beliau, penulis ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada DSAI yang sentiasa mengINSPIRASI.



“ANWAR IBRAHIM DAN GENERASI THE ANGRY YOUNGMEN”

Jufitri Joha

Generasi milenia dan pemimpin belia masa kini mungkin sudah tidak mengenali atau mungkin sudah lupa dengan Generasi *The Angry Youngmen* kerana mereka merupakan Generasi *Angry Bird*. Mereka generasi digital yang dibesarkan dengan ledakan digital, internet, media sosial dan penuh dengan kesenangan serta kemakmuran.

Generasi *The Angry Youngmen* merujuk kepada generasi pemimpin mahasiswa dan pergerakan belia yang berbasiskan *issue-oriented* yang tegar memperjuangkan isu rakyat kebanyakan. Mereka bukannya *project oriented* atau *development oriented* atau dalam erti kata lain generasi ini adalah generasi yang paling lantang (*vocal*) menjadi advokator memperjuangkan kepentingan belia dan masyarakat.

Keradikalan dan keagresifan mereka berdasarkan idealisme yang terbentuk daripada budaya ilmu, pemikiran kritis dan pembacaan bahan bacaan bertenaga tinggi seperti *Maalim fi Tariq* dan *Pedagogy of the Oppress* selain nyalarasa gelombang kebangkitan Islam yang dipelopori pergerakan Ikhwan Muslimin

di Mesir. Namun idealisme perjuangan tidaklah terlalu literal dan haraki apabila turut diperkayakan dengan bacaan falsafah tulisan Syed Naquib al-Attas, Malek Ben Nabi, Syed Hossein Nasr, Ismail Raji al-Faruqi dan Muhammad Iqbal.

Dato' Dr. Siddiq Fadzil menulis makalah ringkas mengenai senarai panjang daftar bacaan Generasi *The Angry Youngmen* yang menjadi paksi kepada aksi mereka di lapangan. Daftar bacaan tersebut dipenuhi dengan bahan bacaan berunsurkan Islam, haraki dan kiri yang menjadikan usrah mereka hidup dan sarat dengan idea-idea reformis yang merubah masyarakat.

Istilah *The Angry Youngmen* dilantunkan oleh Dato' Dr, Siddiq Fadzil, mantan Presiden ABIM ke-3 dalam beberapa siri wacana ilmiah beliau yang penulis hadiri. Istilah ini turut tercatat di dalam literatur berkaitan pergerakan belia seperti yang ditulis oleh Dr. Hussain Mohamed di dalam bukunya *Belia di Malaysia, Masalah, Gerakan dan Masa Depan* (1997).

Generasi *The Angry Youngmen* dikepalai seorang anak muda berbakat yang lahir daripada keluarga bangsawan di Permatang Pauh iaitu tidak lain tidak bukan Sdr. Anwar Ibrahim. Dahulu, dua pergerakan berpengaruh tanahair iaitu mahasiswa dan belia adalah amat rapat dan sinonim dan ianya dikepalai oleh Putera Permatang Pauh ini.

Permatang Pauh bukanlah asing bagi penulis kerana penulis membesar dalam lingkungan wilayah tersebut dan pernah dianugerahkan sedikit imbuhan penghargaan kerana kecemerlangan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di peringkat Seberang Perai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Justeru penghargaan tersebut amat tersemat rapi di jiwa penulis sehingga penulis tidak akan menduga akan melalui trek perjuangan belia yang sama dengan beliau iaitu Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Beza penulis dan Anwar ialah penulis hanyalah Naib Presiden ABIM dan Naib Presiden MBM yang mengambil pendekatan akomodatif berbanding Sdr. Anwar yang mengepalai MBM dan ABIM yang mengambil pendekatan *The Angry Youngmen* dan *anti-establishment*.

Dalam tulisan beliau Peranan Belia Dalam Negara Membangun jelas memerikan peranan belia sebagai *catalyst* iaitu sebagai pemimpin masa hadapan mereka harus mempersiapkan masa hadapan pada masa sekarang dan menyelami denyut nadi masyarakat akar umbi. Ini mengingatkan penulis kepada 6 peranan pemimpin belia seperti yang digariskan oleh Dr. Siti Rabaah dan Profesor Turiman Suandi (2006) sebagai *manager; process helper; consultants, catalyst; problem solver; dan resource linker*.

Sebagai pemimpin belia, Sdr. Anwar telah memainkan peranan yang baik sebagai *catalyst* jurubicara belia dan masyarakat pada waktu tersebut

ANWAR IBRAHIM: SEMANGAT DARAH MUDA

Ramai yang mengasosiasikan istilah "darah muda" dengan sikap terburu-buru. Hakikatnya darah muda boleh dirujuk kepada pendekatan aktivisme yang bersadur semangat serta tindakan agresif dalam kalangan anak muda, untuk membawa perubahan yang baik.

Namun, semangat tersebut juga pastinya perlulah bertunjangan iman dan taqwa bersama strategi yang berhikmah.

Buku ini menampilkan kompilasi tulisan santai tetapi tetap bermakna daripada sekumpulan anak-anak muda dengan latar belakang yang pelbagai (profesional, ahli akademik, mahasiswa, dan aktivis Badan Masyarakat Madani-CSO).

Menerusi artikel yang ditulis oleh mereka ini, mereka berkongsi bagaimana Sdr. Anwar Ibrahim memberikan inspirasi kepada kerjaya serta matlamat hidup mereka.

Sesungguhnya, tatkala ramai yang mendakwa bahawa anak muda sudah melupakan sosok ini - Anwar Ibrahim: buku ini membuktikan sebaliknya.

abimpress 

